

HUBUNGAN ANTARA STRES, MOTIVASI, KONSEP KENDIRI DENGAN
PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR
KOLEJ MATRIKULASI

~~NORHISHAM~~ BINTI ABDUL RAZAK

TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan antara stres, motivasi, konsep diri dengan pencapaian akademik. Kajian ini turut mengukur tahap stres, motivasi, konsep diri dan pencapaian akademik. Perbezaan min stres, motivasi, konsep diri dan pencapaian akademik berdasarkan jantina dan jurusan turut diukur. Sumbangan stres, motivasi dan konsep diri terhadap pencapaian akademik juga dikaji. Pendekatan kuantitatif dengan rekabentuk tinjauan digunakan dalam kajian ini. Pemilihan subjek kajian dijalankan secara persampelan rawak berkelompok melibatkan 918 orang pelajar Kolej Matrikulasi di lima buah Kolej Matrikulasi seluruh Malaysia. Instrumen yang digunakan untuk mengukur stres adalah Inventori Stres Berdasarkan CTRT (IS-CTRT), *Work Preference Inventory* (WPI) untuk mengukur motivasi, konsep diri diukur menggunakan *Tennessee Self Concept Scale* (TSCS) dan pencapaian akademik diukur berdasarkan keputusan peperiksaan semester 1. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara stres $r(916) = -0.09$, $p < 0.05$, motivasi $r(916) = 0.11$, $p < 0.05$ dan konsep diri $r(916) = 0.07$, $p < 0.05$ dengan pencapaian akademik. Pelajar mempunyai tahap stres yang rendah ($M = 1.18$, $SP = .39$), konsep diri sederhana ($M = 2.00$, $SP = .00$), motivasi ($M = 2.87$, $SP = .33$) dan pencapaian akademik yang tinggi ($M = 2.81$, $SP = .39$). Dapatan kajian juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan bagi stres antara jantina dan jurusan. Manakala bagi motivasi terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina $t(916) = (-2.64, p < .05)$ dan jurusan $F(3,914) = 2.86, p < .04$. Keputusan regresi berganda menunjukkan pembolehubah stress $\beta = (-.470, p < 0.05)$ dan motivasi $\beta = (.067, p < 0.05)$ mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap pencapaian akademik. Kesimpulannya, kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi dan pencapaian akademik yang tinggi mempunyai tahap stres yang rendah. Implikasi dari kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pentadbiran Bahagian Matrikulasi untuk melihat kepentingan hubungan antara stres, motivasi dan konsep diri terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.





ABSTRACT

This study aims to analyze the relationship between stress, motivation, self-concept and academic achievement. The study also measures the level of stress, motivation, self-concept and academic achievement. Mean difference in stress, motivation, self-concept and academic achievement based on genders and majors are measured. Contribution of stress, motivation and self-concept of academic achievement are also identified. A quantitative approach with a survey design were used for this study. A number of 918 Matriculation College students from five Matriculation Colleges throughout Malaysia were chosen using group sampling methods as studied subjects. The instruments used to measure stress are Stress Inventory Based On CTRT (IS-CTRT), Work Preference Inventory (WPI) to measure motivation, self-concept concepts measured by the Tennessee Self Concept Scale (TSCS) and the students' results from semester 1 to measure the students' academic achievement. The study was analyzed descriptively and inferred. The findings showed that there was a significant correlation between stress $r(916) = -0.09, p < 0.05$, motivation $r(916) = 0.11, p < 0.05$ and self-concept $r(916) = 0.07, p < 0.05$ with academic achievement. Students had low levels of stress ($M = 1.18, SD = .39$), moderate self-concept ($M = 2.00, SD = .000$), high motivation ($M = 2.87, SD = .33$) and academic achievement ($M = 2.81, SD = .39$). The findings also found that there was no significant difference between stress among genders and majors. As for motivation, there was a significant difference between genders $t(916) = (-2.64, p < 0.05)$ and majors $F(3,914) = 2.86, p < 0.04$. The multiple regression results indicated that stress $\beta = -.470, p < 0.05$ and motivations $\beta = (.067, p < 0.05)$ had significant contributions to academic achievement. In conclusion, the study found that students with motivation and high academic achievement had low level of stress. The implication of this study was expected to assist the administration of the Matriculation Division to realise the importance of the relationship between stress, motivation and self-concept towards academic achievement among Matriculation College students.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Tujuan Kajian	20
1.5 Objektif Kajian	21
1.6 Soalan Kajian	25
1.7 Hipotesis Kajian	28
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	38
1.9 Kepentingan Kajian	41
1.10 Batasan Kajian	44

1.11 Definisi Konsep dan Operasional	45
1.12 Rumusan	56

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	57
2.2 Teoritikal Stres	
2.2.1 Teori Sindrom Penyesuaian Umum (GAS)	58
2.2.2 Model Stres Transaksi Lazarus	61
2.2.3 Stres dari Perspektif Psikologi	67
2.2.4 Stres dari Perspektif Kaunseling	70
2.2.5 Stres dari Perspektif Kognitif	72
2.2.6 Stres dari Perspektif Humanistik	74
2.2.7 Teoritikal CTRT	75
2.2.8 Integrasi Teori Stres GAS dan CTRT	78
2.2 Teoritikal Motivasi	82
2.3 Teoritikal Konsep Kendiri	84
2.4 Kajian Lepas Berkaitan Stres Berdasarkan CTRT	100
2.5 Kajian Lepas Berkaitan Motivasi	120
2.6 Kajian Lepas Berkaitan Konsep Kendiri	125
2.8 Rumusan	135

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	174
4.2 Latar Belakang Demografi Responden Kajian	175
4.3 Analisis Faktor Pemboleh ubah Paling Dominan	177
4.4 Analisis Tahap Pemboleh ubah Kajian	179

4.5	Analisis Normaliti Soal Selidik	179
4.6	Perbezaan Min Pemboleh ubah Berdasarkan Jantina	184
4.7	Perbezaan Min Pemboleh ubah Berdasarkan Jurusan	187
4.8	Ujian Post Host Terhadap Pemboleh ubah Berdasarkan Jurusan	190
4.9	Hubungan antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Pencapaian Akademik	193
4.10	Hubungan antara Jenis Motivasi dengan Pencapaian Akademik	196
4.11	Hubungan antara Jenis Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	198
4.12	Hubungan antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Jenis Motivasi	202
4.13	Hubungan antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Jenis Konsep Kendiri	205
4.14	Hubungan antara Pemboleh ubah Kajian	218
4.15	Pengaruh Punca Stres Berdasarkan CTRT Terhadap Pencapaian Akademik	222
4.16	Jadual Analisis Varians	224
4.17	Pengaruh Pemboleh ubah Kajian Terhadap Pencapaian Akademik	225
4.18	Rumusan	227

**BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Pendahuluan	228
5.2	Profil Demografi Responden	229
5.3	Faktor-faktor Stres Berdasarkan CTRT, Jenis Motivasi dan Konsep Kendiri Yang Dominan	230
5.4	Tahap stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep kendiri dan pencapaian akademik	240
5.5	Perbezaan Pemboleh ubah Berdasarkan Jantina dan Jurusan	245
5.5.1	Perbezaan Pemboleh ubah Berdasarkan Jantina	245
5.5.2	Perbezaan Pemboleh ubah Berdasarkan Jurusan	249
5.6	Hubungan Antara Faktor-faktor Stres dengan Pencapaian Akademik	253
5.7	Hubungan antara Jenis Motivasi dengan Pencapaian Akademik	260
5.8	Hubungan antara Jenis Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	263
5.9	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Jenis Motivasi	271
5.10	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Jenis Konsep Kendiri	273
5.11	Hubungan Antara Stres Berdasarkan CTRT dengan Pencapaian Akademik	276
5.12	Hubungan Antara Motivasi dengan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi	278
5.13	Hubungan Antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	279
5.14	Hubungan Antara Stres Berdasarkan CTRT dengan Motivasi	280
5.15	Hubungan Antara Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri	281





5.16 Hubungan Antara Motivasi dengan Konsep Kendiri	282
5.17 Pengaruh Faktor Stres Berdasarkan CTRT Terhadap Pencapaian Akademik	281
5.18 Pengaruh Stres Berdasarkan CTRT, Motivasi dan Konsep Kendiri Terhadap Pencapaian Akademik	285
5.19 Cadangan	286
5.20 Cadangan Kajian Lanjutan	297
5.21 Rumusan	298
RUJUKAN	299



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Mata Nilai Purata Nilai Gred Keseluruhan	52
1.2	Klasifikasi Simbol Tanpa Nilai Gred	52
2.1	Cabaran Menyebabkan Berlaku Stres	62
2.4	Integrasi antara Teoritikal Stres GAS dan CTRT	74
3.1	Jadual Penentuan Saiz Sampel Cohen	135
3.2	Taburan Item Inventori Stres Berdasarkan CTRT	137
3.3	Item Positif dan Negatif IS-CTRT	139
3.4	Taburan Item Motivasi Pelajar	141
3.5	Item Positif dan Negatif Soal Selidik Motivasi	141
3.6	Taburan Item Konsep Kendiri	143
3.7	Pernyataan Nilai Positif dan Negatif TSCS	143
3.8	Tahap Stres Berdasarkan Skor	144
3.9	Tahap Motivasi Berdasarkan Skor	145
3.10	Tahap Konsep Kendiri Berdasarkan Skor	145
3.11	Tahap Pencapaian Akademik Mengikut Purata Nilai Gred Kumulatif	146
3.12	Profil Panel Pakar	150
3.13	Nilai Kesahan Kandungan IS-CTRT	152
3.14	Nilai Kesahan Kandungan WPI	152



3.15	Nilai Kesahan Kandungan TSCS	153
3.16	Nilai Kebolehpercayaan IS-CTRT	156
3.17	Item-item Yang Digugurkan	157
3.18	Nilai Kebolehpercayaan WPI	158
3.19	Nilai Kebolehpercayaan TSCS	160
3.20	Penganalisan Data Statistik	164
3.21	Saiz Pekali Korelasi dan Hubungannya	169
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	175
4.2	Taburan Responden Mengikut Jurusan	176
4.3	Faktor Stres Berdasarkan CTRT yang Paling Dominan	177
4.4	Jenis Motivasi Yang Paling Dominan	177
4.5	Jenis Konsep Kendiri Yang Paling Dominan	178
4.6	Tahap Pembolehubah Kajian	179
4.7	Keputusan Ujian Normaliti	180
4.8	Ujian-t Perbezaan Min Pembolehubah Berdasarkan Jantina	185
4.9	Hasil ANOVA Sehalu Perbezaan Pembolehubah Berdasarkan Jurusan	187
4.10	Hasil Analisis Ujian Post Hoc Terhadap Pembolehubah Berdasarkan Jurusan	190
4.11	Hubungan Antara Faktor Stres dengan Pencapaian Akademik	193
4.12	Hubungan Antara Jenis Motivasi dengan Pencapaian Akademik	196
4.13	Hubungan Antara Jenis Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik	198
4.14	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT	200

	dengan Motivasi Intrinsik	
4.15	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Motivasi Ekstrinsik	202
4.16	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri Fizikal	206
4.17	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Kendiri Moral dan Akhlak	209
4.18	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri Peribadi	210
4.19	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri Keluarga	211
4.20	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri Sosial	213
4.21	Hubungan Antara Faktor Stres Berdasarkan CTRT dengan Konsep Kendiri Sifat-sifat Akhlak	214
4.22	Hubungan Antara Pemboleh ubah Kajian	216
4.23	Analisis Regresi Berganda (Stepwise) bagi Faktor Stres Berdasarkan CTRT yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik	220
4.24	Analisis Varians	222
4.25	Analisis Regresi Berganda (Stepwise) bagi Pemboleh Ubah Bebas yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik	



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	34
2.1	Peringkat Stres Dalam Teori Sindrom Penyesuaian Umum	53
2.2	Graf Stres Hans Selye	56
2.3	Lingkungan Kehidupan Sihat Mengikut REBT	68
3.1	Reka bentuk Pensampelan	137
4.1	Plot Normaliti Stres	183
4.2	Plot Normaliti Motivasi	184
4.3	Plot Normaliti Konsep Kendiri	185





SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis Of Variance</i>
BMKPM	Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia
BPsK	Bahagian Psikologi dan Kaunseling
CPA	Purata Himpunan Mata Nilai
CTRT	<i>Choice Theory Reality Therapy</i>
FKAAS	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
FKMP	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan
FKEE	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
FPPM	Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IS-CTRT	Inventori Stres Berdasarkan CTRT
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KMK	Kolej Matrikulasi Kedah
KMP	Kolej Matrikulasi Perlis
KMPH	Kolej Matrikulasi Pahang
KMM	Kolej Matrikulasi Melaka
KML	Kolej Matrikulasi Labuan



KPI	Kolej Permata Insan
MUET	<i>Malaysian University English Test</i>
PTSS	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
REBT	<i>Rational Emotive Behavior Therapy</i>
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SPF	Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Pendidikan (Fizik)
SPK	Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan (Kimia)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPS	Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Pendidikan (Sains)
SPSS	<i>Statistical Packages For Social Sciences</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
TSCS	<i>Tennessee Self Concept Scale</i>
UNICEF	<i>The United Nation Childern Fund</i>
WDEP	<i>Want, Doing and Direction, Evaluation, Plan and Action</i>
WPI	<i>Work Preference Inventory</i>



SENARAI LAMPIRAN

- A Kelulusan Menjalankan Penyelidikan
- B Inventori Stres Berdasarkan CTRT (IS-CTRT)
- C *Work Preference Inventory* (WPI)
- D Skala Konsep Kendiri Tennessee (TSCS)
- E Laporan Penilaian Pakar
- F Output Data





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan perkara-perkara penting bagi menggambarkan pengenalan kepada kajian yang dijalankan merangkumi latar belakang kajian, permasalahan yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis yang terlibat, kerangka konseptual untuk melaksanakan kajian, kepentingan kajian, definisi konsep dan operasional yang terdapat dalam kajian yang dijalankan.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan adalah aset penting dalam membentuk keperibadian diri setiap pelajar. Pelajar menghadapi stres dalam menjalani kehidupan yang semakin mencabar. Walaupun stres pelajar adalah biasa dan merupakan satu elemen pembentukan personaliti, namun kegagalan dalam menanganinya boleh membawa padah bukan sahaja terhadap diri tetapi memberi kesan kepada orang lain. Justeru, seseorang individu perlu bijak untuk menanganinya agar hidup tidak dibelenggu stres. Hubungan antara stres dan kehidupan individu ibarat seperti ombak dan pantai (Hatta Sidi dan Mohd. Hatta Shaharom, 2002).



Perbincangan stres berdasarkan CTRT digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti punca atau faktor stres dalam kalangan pelajar. Stres berdasarkan CTRT adalah asas yang dibincangkan dalam kajian ini. Stres adalah bebanan psikologi yang sukar atau tidak mampu ditanggung oleh seseorang. Stres juga merupakan satu situasi yang dihadapi oleh individu yang mengalami peristiwa atau situasi yang boleh menyebabkan pemikiran individu terganggu yang boleh menjejaskan aktiviti dalam menjalani kehidupan seharian. Kesan daripada sesuatu peristiwa yang dialami ditunjukkan dalam bentuk keresahan atau gejala fisiologi. Situasi seperti ini dapat diperhatikan melalui simptom-simptom stres yang dialami seperti tidur yang tidak lena, meminggirkan diri, kemurungan, pertambahan berat badan dan pelbagai simptom stres yang lain. Situasi sebegini boleh menyebabkan individu yang mengalami stres merasakan kehidupan seolah-olah dipenuhi dengan pelbagai masalah, dunia menjadi sempit, sukar





untuk meneruskan kehidupan dan mengalami kebimbangan yang tinggi (Mohd Anuar dan Norshahril, 2011).

Setiap individu pasti akan merasai stres sama ada sedikit atau banyak, berat atau ringan, sama ada berpunca dari stres kerja atau masalah-masalah lain dalam kehidupan. Stres bukan sahaja dialami oleh mereka yang berusia bahkan stres dialami oleh semua golongan bermula dari kanak-kanak, remaja hingga ke usia tua malah ia turut dialami oleh golongan profesional, pegawai kerajaan, petani, guru dan pelajar. Stres juga adalah sebahagian dari fitrah kehidupan yang boleh diatasi dan ia adalah satu bentuk ujian Allah terhadap hamba-hambanya termasuklah kanak-kanak dan remaja (Ahmad Ibrahim et al., 2012).



Menurut Asmawati dan Mohd Shahril (2012), tidak dapat dinafikan bahawa pelajar tidak terlepas daripada mengalami stres. Lazimnya, pelajar menghadapi stres dalam proses pembelajaran, kewangan, akademik, emosi dan keluarga. Pelajar terutama pelajar di kolej dan universiti mengalami stres akibat daripada pelbagai kenaikan kos keperluan dan perkhidmatan dalam kehidupan seharian.

Hamizatun dan Norzaini (2013), stres berkaitan tekanan terhadap diri individu berpunca daripada faktor persekitaran. Kajian oleh Shaban, Khater dan Akhu Zaheya (2012) mendapati bahawa stres yang tinggi akan menyebabkan kemerosotan psikologi atau emosi. Stres bukan sahaja memberi kesan kepada individu tetapi juga memberi kesan terhadap organisasi dan industri malah tahap stres dapat mempengaruhi tahap





kepuasan, kesihatan mental dan kerja individu (Prasetyo, 2008). Stres juga merupakan isu utama dalam kalangan pelajar kolej kerana menghadapi pelbagai cabaran terutama dari aspek akademik, sosial dan peribadi (Towbes dan Cohen, 1996); (Lessard, 1998). Manakala kajian oleh Tan dan Yates (2011) pula mendapati bahawa ibu bapa yang menaruh harapan terlalu tinggi terhadap anak-anak untuk mencapai kejayaan cemerlang akan menyebabkan anak-anak mengalami stres. Menurut Ahnert L. et al., (2012), iklim bilik darjah dan hubungan yang tidak baik antara guru dengan pelajar juga boleh menyebabkan pelajar mengalami stres.

Tahap stres yang dialami oleh setiap individu adalah berbeza-beza-beza. Menurut Sapora (2006), tahap stres yang dialami oleh individu tertakluk kepada bagaimana individu tersebut mentakrifkan keadaan sosial lebih daripada keadaan sebenar yang dihadapinya. Golongan remaja merangkumi pelajar lepasan menengah atas, penuntut kolej dan universiti serta graduan yang baru bekerja lebih cenderung untuk membunuh diri akibat stres. Ini adalah kerana remaja pada peringkat umur 16 hingga 24 tahun mudah terdedah kepada pelbagai jenis stres dan gangguan emosi. Kenyataan ini bertepatan dengan kajian yang mendapati bahawa individu yang berumur 16 tahun hingga 24 tahun terfikir untuk membunuh diri (Padilah, 2012).

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2015 mendapati masalah kesihatan mental adalah dalam kalangan remaja berumur 16 tahun dan ke atas adalah 29.2 peratus. Mengikut bancian yang dijalankan oleh UKM pada tahun 2007, mendapati dua daripada





sepuluh rakyat Malaysia cenderung mengalami stres. Dapatan ini menunjukkan bahawa sesiapa sahaja boleh mengalami stres (Syed Sofian et al., 2014).

Stres boleh menyebabkan gangguan emosi dan mental serta mengganggu kelancaran aktiviti harian seseorang. Lessard (1998), menyatakan bahawa kanak-kanak, remaja dan pelajar universiti lebih mudah terdedah kepada stres. Pelajar mengalami stres apabila terpaksa mengharungi pelbagai perubahan terutamanya dari aspek fizikal, emosi, sosial dan pemikiran. Setelah menamatkan pelajaran pada peringkat sekolah rendah, pelajar terpaksa melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah seterusnya meneruskan pengajian di kolej atau universiti. Ini menyebabkan pelajar lebih cenderung mengalami stres.



Remaja dikategorikan dalam golongan 'storm and stress' iaitu peringkat perkembangan yang paling bergelora berbanding dengan peringkat-peringkat perkembangan lain (Stanley, 2011). Peringkat awal remaja bermula semasa seseorang pelajar berumur 12 hingga 15 tahun, manakala peringkat akhir remaja pula bermula semasa umur 16 tahun hingga 21 tahun. Kebanyakan pelajar mengalami stres pada awal permulaan tahun kerana mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan pelbagai tugas yang telah diamanahkan oleh guru (Smeltzer, 2010).

Hall (1904) pula menyatakan bahawa pelajar berada dalam keadaan 'storm and stress' bagi menggambarkan keadaan yang penuh dengan ketegangan dan perubahan sering mengalami konflik. Ketika ini pelajar sentiasa ingin bersama dengan rakan sebaya





dan pada masa yang sama sering berkonflik dengan orang dewasa seperti ibu bapa dan guru (Mead, 1968). Proses perubahan dan penyesuaian yang berlaku ini menyebabkan pelajar mengalami stres dan sebahagiannya mengalami simptom stres hingga ke tahap yang kronik. Golongan pelajar juga mengalami stres disebabkan peralihan semasa alam kanak-kanak dengan alam dewasa (Mohd Anuar dan Norshahril, 2011).

Stres adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan pelajar tidak terkecuali daripada mengalami stres selagi bernyawa. Setiap pelajar mengalami stres yang berbeza-beza. Perkara yang turut menjadi faktor stres bagi segelintir pelajar adalah seringkali mengabaikan perkara-perkara kecil yang dianggap remeh dan kurang penting (Hatta, 2002). Kehadiran seseorang yang baru dalam kalangan rakan-rakan, penurunan markah berbanding rakan-rakan yang lain, pertelingkahan di antara rakan dan sebagainya boleh mengakibatkan stres kepada seseorang pelajar. Ini menyebabkan seseorang pelajar mengalami keresahan, kebimbangan, kesunyian, kurang tidur, gangguan emosi dan sebagainya. Stres yang berlebihan, tidak terkawal dan berpanjangan juga akan mendatangkan kemudaratan. Kemudaratan ini mungkin berlaku pada jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Pelajar juga terpaksa menghadapi pelbagai rintangan akibat daripada stres. Ini menyebabkan pelajar tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran dan mengakibatkan pencapaian akademik pelajar turut terjejas.





Faktor stres berubah mengikut tahap roda kehidupan individu iaitu mengikut peredaran masa atau peringkat kematangan seseorang (Hatta, 2002). Menurut Ma'rof (2001), menyatakan bahawa antara peristiwa yang boleh menyebabkan seseorang mengalami stres adalah persaingan mengejar tempat dalam dunia akademik, keresahan dalam mendapat pasangan hidup, stres dan himpitan pengaruh rakan sebaya, harapan ibu bapa yang terlalu tinggi, kekaburan dan kekeliruan matlamat hidup, ibubapa yang sering bergaduh dan menghadapi krisis.

Stres juga sebagai 'alarm' kepada tubuh pelajar untuk bertindak (Norlizawati, 2006). Ianya boleh mendorong pemikiran pelajar menjadi kurang rasional dan menyebabkan pelajar gagal membuat keputusan yang tepat dan bertindak tanpa membuat pertimbangan yang sewajarnya.



Menurut Terri (2004), terdapat banyak faktor stres dalam kalangan pelajar seperti persekitaran sekolah yang kurang selesa, peristiwa lampau yang dialami, pengaruh daripada keluarga dan rakan sebaya, tindakan daripada guru dan kurikulum sekolah yang padat. Pelajar yang mengalami stres pada tahap tinggi boleh menyebabkan kesan negatif kepada kesihatan pelajar seterusnya akan menjejaskan pencapaian akademik (Campbell dan Steven, 1992).

Ma'arof dan Haslinda (2008), menyatakan bahawa pelajar mengalami stres yang tinggi disebabkan perubahan fisiologi dan psikologi yang berlaku. Harapan dan aspirasi diri, ibu bapa dan masyarakat yang tinggi terhadap pelajar turut menyebabkan pelajar





menghadapi tekanan emosi apabila cuba memenuhi harapan dan aspirasi tersebut. Kebanyakan pelajar dalam lingkungan 12 hingga 20 tahun mengalami stres terutama dalam masalah akademik seperti harapan ibu bapa yang tinggi dalam sistem persekolahan yang berorientasikan peperiksaan.

Menurut Nor Afzan (2008), media sering memperbesarkan kisah pelajar cemerlang iaitu 4 flat di kolej Matrikulasi atau Asasi, 10 A hingga 12 A bagi SPM, 8 A bagi PMR dan 5A bagi UPSR. Perkara ini jika dilihat sekali imbas adalah satu perkara yang positif dan amat baik kerana ia membuktikan bahawa ramai pelajar di Malaysia kini cemerlang dalam peperiksaan tetapi ianya mendatangkan kesan tersembunyi. Antara kesannya ialah masyarakat hari ini menganggap seseorang individu cemerlang atau bijak jika mendapat keputusan 'A' dalam peperiksaan. Ibu bapa yang terlalu mementingkan pencapaian akademik anak-anak akan mengalami stres sekaligus mendesak mereka supaya berusaha dengan lebih tekun untuk mendapat keputusan cemerlang.

Pelajar juga mengalami stres berpunca daripada peperiksaan, tugas dan tuntutan bagi memenuhi keperluan di universiti yang mungkin melebihi kemampuan dan keupayaan (Thawabieh dan Qaisy 2012). Peranan dan tanggung jawab pelajar menjadi semakin berkembang pesat seiring dengan perkembangan masa. Dalam konteks ini, para pelajar tanpa mengira kaum dan agama tidak terlepas daripada menghadapi stres dalam usaha menyesuaikan diri dengan persekitaran, keperluan dan kehendak dalam sistem pendidikan itu sendiri. Sistem pendidikan pada masa kini lebih berorientasikan





peperiksaan dilihat banyak memberikan stres kepada para pelajar dalam usaha mencapai target dan harapan ibu bapa, keluarga, pensyarah, masyarakat dan negara.

Pelajar yang mengalami stres akibat desakan untuk memenuhi impian ibubapa akan dibelenggu rasa bersalah yang tidak terkawal. Ini boleh memberi kesan negatif kepada pemikiran dan tingkahlaku sekaligus membawa kepada 'depressive disorder'. Stres, pemikiran yang masih belum matang, rasa putus asa, perasaan tidak terkawal dan rasa bersalah yang tidak dapat dikawal boleh membawa kepada tindakan di luar jangkaan.

Remaja adalah satu tempoh yang mencabar di mana orang muda mengalami sendiri organisasi dan kekeliruan peranan. Bagi mereka, stres yang dialami berpunca daripada ujian akademik, hubungan interpersonal, masalah hubungan, perubahan kehidupan dan penerokaan kerjaya. Stres biasanya boleh menyebabkan masalah psikologi, fizikal dan tingkah laku. Menurut Noraini dan Nor Ba'yah (2011), keupayaan individu untuk menghindari diri daripada mengalami stres untuk menikmati hidup yang lebih selesa sekiranya seseorang individu dapat mengawal emosi dengan baik.

Pelajar lebih cenderung untuk melepaskan emosi yang tidak stabil iaitu geram, marah dan dendam dengan melakukan tingkah laku negatif sebagai cara menghilangkan stres (Muhammed Sharif dan Suria, 2012). Pelajar yang mengalami stres pada tahap tinggi adalah dalam jumlah yang besar dan beberapa faktor telah dikenal pasti yang



menyumbang kepada permasalahan pelajar seperti peperiksaan, keluarga dan sekolah (Azrina, 2011).

Banyak kajian berkaitan stres dijalankan terutama kajian yang melibatkan faktor stres dalam kalangan pelajar. Antara faktor stres dalam kalangan pelajar iaitu masalah keluarga, desakan ibu bapa, guru dan masyarakat terhadap pencapaian akademik pelajar (Fariza, 2005). Pelajar menjadi fokus utama kajian kerana pada peringkat remaja, pelajar mudah mengalami konflik dan stres yang perlu ditangani sejak di peringkat awal (Tajularipin et al., 2009).

05-4506832 **1.3 Pernyataan Masalah**

Pelajar kolej Matrikulasi dikategorikan sebagai peringkat akhir remaja bermula 16 hingga 21 tahun yang memasuki era alam dewasa. Remaja mengalami tempoh kritikal apabila memasuki alam dewasa. Menurut Roger (1951), remaja dikatakan berusia di antara 11 hingga 21 tahun merupakan transisi antara zaman kanak-kanak dengan zaman dewasa yang melibatkan perubahan biologi, psikologi, sosial dan ekonomi serta melibatkan perubahan peringkat tidak matang ke peringkat matang. Pelajar di Kolej Matrikulasi merupakan pelajar yang setaraf dan menghadapi zaman peralihan yang sama dengan pelajar tahun pertama di universiti. Menurut Sharma (2012), peralihan dari alam persekolahan kepada alam kolej merupakan satu proses yang rumit bagi kebanyakan pelajar.



Kajian-kajian terdahulu berkaitan stres banyak membicarakan tentang faktor stres dalam kalangan pelajar kolej adalah berkaitan dengan aspek fisiologi dan masih kurang pengkaji yang mengkaji faktor stres melibatkan aspek psikologi. Namun terdapat juga beberapa pengkaji terdahulu membincangkan stres pelajar yang berpunca daripada aspek psikologi seperti faktor penyesuaian diri yang berlaku akibat peralihan zaman persekolahan ke zaman pendidikan yang lebih tinggi seperti di kolej dan universiti. Pelajar kolej berasa stres disebabkan terpaksa menghadapi penyesuaian diri kepada kehidupan, persekitaran dan perkara-perkara baharu. Pandangan pengkaji terdahulu ini menyokong kajian pengkaji yang menyatakan bahawa faktor stres dalam kalangan pelajar di Kolej Matrikulasi lebih kepada aspek psikologi berdasarkan CTRT.



Berdasarkan CTRT, individu bermasalah disebabkan keinginan psikologi dan fisiologi yang tidak dipenuhi. Keinginan psikologi meliputi keinginan untuk disayangi dan dipunyai, penghargaan daripada orang lain, inginkan kebebasan dan keseronokan manakala keinginan fisiologi meliputi keinginan untuk memenuhi kelangsungan hidup. Stres dalam kalangan pelajar akan timbul berpunca daripada keinginan yang tidak dapat dipenuhi merangkumi aspek fisiologi dan psikologi. Pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor stres berdasarkan CTRT dalam menangani permasalahan stres yang boleh menyebabkan pelajar gagal dalam pencapaian akademik dan digugurkan dari program Matrikulasi.





Subkonstruk rasa kepunyaan berdasarkan CTRT dalam kajian ini adalah lebih memfokuskan kepada penyebab stres berkaitan perhubungan pelajar dengan orang sekeliling yang signifikan terutama ibu bapa dan rakan sebaya. Pelajar lebih menumpukan masa untuk menyesuaikan diri dengan rakan-rakan semasa berada di kolej. Pelajar turut mengalami gangguan psikologi iaitu rasa rindu pada kampung halaman kerana terpaksa hidup berasingan dengan ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Masalah perhubungan dengan rakan sebaya dan keluarga yang timbul dalam kalangan remaja juga boleh menyebabkan stres (Aminudin, 2013). Faktor interpersonal yang berkaitan dengan masalah perhubungan pelajar dengan rakan sebaya dan pensyarah menjadi penyebab stres apabila pelajar sering menghadapi desakan yang boleh menimbulkan konflik. Isu penyesuaian diri merupakan konflik yang ringan dan bersifat sementara sekiranya individu memilih untuk menanganinya dengan baik. Sebaliknya, isu penyesuaian diri boleh menyebabkan individu berasa stres sekiranya gagal mengurusnya dengan baik (Yustinus Semiun, 2006).

Manakala subkonstruk berkuasa berdasarkan CTRT dalam kajian ini pula lebih menumpukan kepada stres pelajar untuk mendapatkan penghargaan diri. Individu akan berasa stres sekiranya tidak dihargai dan mendapat pengiktirafan daripada orang lain dalam setiap usaha yang dilakukannya. Pelajar di Kolej Matrikulasi belajar dalam suasana yang memerlukan persaingan untuk mencapai kecemerlangan. Pelajar akan terus bersaing untuk mendapatkan penghargaan kerana kuasa dan penghargaan sendiri merupakan keperluan yang penting dalam meningkatkan penghargaan sendiri pelajar.





Subkonstruk kebebasan (*freedom*) berdasarkan CTRT pula lebih memberi fokus kepada stres pelajar yang berpunca daripada tiada kebebasan dalam melakukan aktiviti yang digemari disebabkan perkara atau tugas yang perlu dilaksanakan. Atkinson (1998), menyatakan bahawa pelajar mengalami stres kerana sukar mencapai kebebasan dalam aktiviti seharian yang disebabkan tugas atau bebanan kerja yang terlalu banyak dan perlu dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Kebanyakan pelajar di Kolej Matrikulasi mengalami stres disebabkan masa yang tidak mencukupi dan tiada kebebasan untuk melakukan aktiviti-aktiviti lain yang diminati. Pelajar terpaksa melaksanakan tugas yang banyak dalam tempoh masa yang singkat, mengikuti aktiviti kolej yang padat, pengurusan masa yang lemah dan penyediaan jadual belajar yang tidak berkesan. Pelajar turut mengalami stres disebabkan kegagalan menyelesaikan tugas dalam tempoh yang ditetapkan dan menduduki peperiksaan yang telah ditetapkan.

Menurut Glasser, keseronokan berdasarkan CTRT merujuk kepada keperluan individu kepada aktiviti-aktiviti yang digemari dan menyeronokkan. Aktiviti-aktiviti seperti bermain, berehat, melakukan hobi yang disukai, melakukan pelbagai aktiviti yang lebih menggembirakan boleh membuatkan individu boleh ketawa dan terhibur. Keperluan individu terhadap aktiviti-aktiviti yang menggembirakan dan menyeronokkan merupakan proses yang meliputi setiap perkembangan individu. Manakala bagi subkonstruk keseronokan dalam kajian ini lebih menumpukan kepada masa bercuti dan bersama dengan keluarga, meluangkan masa bersama rakan-rakan, melakukan aktiviti yang





digemari, menjalani riadah, melakukan hobi yang diminati dan tidur yang mencukupi. Jika individu tidak dapat menikmati keperluan keseronokan ini, maka keperluan keseronokan dalam diri individu tidak dipenuhi. Ini boleh menyebabkan individu cenderung untuk mengalami stres dan menunjukkan tingkah laku bermasalah.

Azhar (2002) menyatakan bahawa 25 hingga 35 peratus pelajar mengalami stres disebabkan oleh faktor bebanan dalam proses pembelajaran yang semakin banyak dan perlu dipatuhi. Sistem pendidikan yang berorientasikan kecemerlangan dalam pencapaian akademik menyebabkan pelajar tiada masa yang cukup untuk berehat dan melakukan aktiviti atau perkara yang diingini. Pelajar juga terpaksa memenuhi kehendak dan ibu bapa yang menaruh harapan yang tinggi agar menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang. Keadaan ini boleh menyebabkan pelajar lebih berpotensi untuk mengalami stres dalam kehidupan seharian.

Manakala subkonstruk kelangsungan hidup berdasarkan CTRT adalah lebih menumpukan kepada faktor persekitaran. Faktor persekitaran dalam kajian ini lebih memfokuskan kepada persekitaran bilik kuliah dan kemudahan infrastruktur yang lain seperti bahan rujukan dan perkhidmatan fotostat. Suasana bilik kuliah dan bilik tutorial yang kurang selesa, bahan rujukan yang terhad serta sukar mendapatkan perkhidmatan fotostat boleh menyebabkan stres. Persekitaran merupakan faktor yang mempengaruhi pelajar untuk mengikuti proses pembelajaran dengan lebih selesa. Keadaan persekitaran kelas yang selesa akan mempengaruhi kepuasan dalam pembelajaran seseorang pelajar (Abd. Rahman et al., 2011).





Chai Ming Sing et al. (2004), turut mendapati bahawa tahap stres yang tinggi dalam kalangan pelajar kolej disebabkan oleh faktor penyesuaian diri, kewangan serta jangkaan keputusan akademik. Stres ini adalah faktor kepada hampir semua masalah kesihatan dan kecelaruan psikologi. Seseorang yang sering mengalami stres akan mengalami kemurungan, kesedihan, kerunsingan serta masalah psikosomatik. Segelintir pelajar walaupun menunjukkan kecemerlangan akademik di peringkat persekolahan tetapi tidak cemerlang di peringkat universiti. Persaingan antara pelajar yang sengit di peringkat universiti telah memberikan tekanan yang tinggi kepada pelajar dalam merealisasikan impian mereka. Menurut Romas dan Sharma (2004), tahap stres yang tinggi sekiranya tidak dikawal akan menimbulkan pelbagai masalah kepada pelajar.



Menurut Thawabieh dan Qaisy (2012), pelajar menjalani penyesuaian besar dalam dunia pendidikan mereka semasa peralihan dari persekitaran sekolah ke persekitaran kolej atau universiti. Oleh itu, pelajar lebih cenderung mengalami kejutan psikologi, akademik dan sosial kerana terdapat perbezaan yang besar antara kedua-dua sistem ini yang melibatkan kaedah pengajaran dan keperluan akademik yang baharu, cara baharu dalam berinteraksi antara pelajar dan fakulti serta pelajar sendiri (Thawabieh & Qaisy, 2012). Kajian Thawabieh dan Qaisy (2012) menekankan stres sebagai salah satu masalah serius yang mempengaruhi kehidupan pelajar kolej dan universiti. Oleh itu, stres boleh menyebabkan penurunan prestasi akademik, isu hubungan dengan rakan sebaya dan ahli keluarga.





Kajian ini amat penting memandangkan terdapat penambahan mata pelajaran bagi sukatan pelajaran yang diperkenalkan dalam sistem Matrikulasi dengan tempoh pengajian yang singkat menyebabkan pelajar Kolej Matrikulasi perlu beradaptasi daripada sistem sekolah yang berstruktur sepenuhnya kepada sistem yang kurang berstruktur. Situasi ini seterusnya memberikan stres kepada pelajar untuk memberikan pencapaian terbaik dalam akademik. Faktor emosi juga kurang diambil perhatian yang serius oleh pensyarah disebabkan terlalu mengejar masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Pelajar di Kolej Matrikulasi berasa stres kerana terpaksa mengikuti pembelajaran dalam tempoh masa yang singkat dengan jadual waktu yang padat ditambah pula dengan program-program sokongan akademik dan kelas tambahan.



Selain itu, beberapa penyelidik lain mendapati bahawa stres boleh menyebabkan pelajar berasa tertekan (Jayanthi, Thirunavukarasu dan Rajkumar, 2015), keupayaan lemah (Talib dan Zia-ur-Rehman, 2012) dan menurunkan prestasi akademik (Stallman, 2010). Penyelidikan yang dijalankan oleh Carton dan Goodboy (2015) mendapati bahawa pelajar yang mengalami stres yang berlebihan akan cenderung kurang terlibat dalam berinteraksi di dalam kelas.

Lailawati, Ferlis dan Farhana (2012) menyatakan bahawa pelajar yang menghadapi stres positif menganggap masalah mereka sebagai cabaran. Sebaliknya, pelajar yang menghadapi stres secara negatif menganggap masalah mereka sebagai beban tambahan, menjadikan mereka tidak berkuasa dan tidak bermotivasi.



Motivasi merupakan dorongan kepada perubahan tingkah laku individu ke arah mencapai matlamat yang diinginkan (Ainon, 2005). Justeru, individu yang mempunyai motivasi yang tinggi lebih bijak membuat keputusan yang positif berdasarkan sesuatu matlamat yang diinginkan dan mempunyai keyakinan bahawa setiap tindakan yang dibuat bermakna dan dapat memuaskan keperluan. Kajian oleh Fazilah et al., (2000), yang mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi diri yang tinggi dan mempunyai pemikiran yang positif dapat meningkatkan prestasi akademik. Setiap individu adalah berbeza-beza dari aspek fizikal, pemikiran, tingkah laku dan personaliti. Motivasi juga adalah berbeza-beza bagi setiap individu termasuk motivasi dalaman dan motivasi luaran untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Motivasi yang tinggi dalam diri individu mendorong seseorang individu untuk meningkatkan pencapaian akademik.

Pembentukan konsep sendiri merupakan aspek penting dalam bidang pendidikan selain pelajar dapat menguasai ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran. Namun, pembentukan konsep sendiri yang positif dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang membimbangkan. Kebanyakan pelajar mempunyai konsep sendiri yang negatif dan menunjukkan sikap terlalu pasif sehingga menjejaskan pencapaian akademik (Azizi et al., 2005).

Menurut Shahabuddin Hashim, et al. (2003) konsep sendiri merupakan suatu pemboleh ubah penting yang mampu meningkatkan perkembangan individu pelajar dan pembelajaran. Ini kerana pelajar yang memiliki konsep sendiri positif akan lebih berminat dan bermotivasi untuk belajar, memiliki keyakinan diri yang tinggi, mempunyai



matlamat kerjaya untuk masa depan, melibatkan diri sebagai orang yang berguna dan mahukan kepuasan dalam membuat keputusan. Sebaliknya bagi pelajar yang memiliki konsep sendiri negatif akan mudah rasa kecewa, mengelak situasi yang sukar, mudah terikut dengan orang lain, merendahkan diri sendiri, membenci orang lain serta banyak lagi (AziziYahaya, et al. 2005).

Stres yang wujud memerlukan ketenangan hati dan fikiran yang positif untuk menghadapinya. Kita tidak boleh menganggapnya sebagai suatu kesukaran atau kesusahan. Hatta Sidi, *et al.* (2003) ada menjelaskan bahawa stres boleh wujud apabila kita terlalu berfikir secara negatif tentang sesuatu perkara itu. Sebaliknya berfikir secara positif pula dapat memberi kelegaan. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki konsep sendiri negatif terlalu memikirkan sesuatu perkara itu dari sudut yang tidak baik.

Oleh itu, pelajar Kolej Matrikulasi seharusnya mengikis segala konsep sendiri negatif yang wujud dalam diri mereka. Kejayaan sebenar seseorang pelajar bukan sekadar diukur dengan kejayaan akademik semata-mata, bahkan ia juga meliputi kebijaksanaan, kekuatan kerohanian, kestabilan emosi dan kesihatan jasmani iaitu sepertimana yang termaktub di dalam Falsafah Pendidikan Negara. Kolej Matrikulasi merupakan salah satu institut pengajian tinggi di mana pelajar telah dianggap mencapai tahap kematangan fizikal dan emosi. Graduannya juga akan menjadi pelaksana kepada program-program negara. Mereka ini seharusnya memiliki konsep sendiri yang positif dan bersemangat untuk belajar. Ini penting dalam melahirkan pelajar yang berkualiti dari segi pencapaian





akademik dan juga memiliki sahsiah yang baik. Justeru, konsep sendiri juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan pencapaian akademik.

Pencapaian akademik merupakan suatu dimensi yang digunakan untuk menilai tahap pencapaian seseorang pelajar dalam akademik. Pencapaian akademik merupakan pengukuran yang penting dalam proses pembelajaran, perkembangan diri dan kerjaya serta perancangan dalam kehidupan (Johnson, 2008).

Pelajar Kolej Matrikulasi sering mengalami cabaran dan dugaan yang mendorong pelajar berhadapan dengan stres yang berpunca daripada keperluan dan keinginan yang tidak dapat dipenuhi. Sesetengah pelajar yang tidak dapat menangani stres dengan bijak akan gagal membentuk sahsiah diri ke arah yang positif disebabkan sukar menghindari unsur-unsur negatif yang telah merebak ke dalam diri pelajar. Secara tidak langsung, pencapaian akademik yang tinggi dapat diperolehi melalui pembentukan motivasi yang tinggi dan konsep sendiri yang positif. Justeru, pelajar perlu bijak menangani stres, mempunyai motivasi yang tinggi dan pembentukan konsep sendiri positif ke arah meningkatkan pencapaian dalam usaha meningkatkan kecemerlangan pendidikan.

Kepemimpinan negara pada masa akan datang bakal diwarisi oleh pewaris pada masa kini iaitu generasi muda seperti golongan pelajar khususnya pelajar Kolej Matrikulasi. Malaysia akan kerugian besar jika kehilangan generasi muda pada hari ini berpunca daripada stres yang tidak dapat ditangani dengan bijak. Senario ini mungkin akan berlaku sekiranya pelajar mengalami stres berbentuk negatif yang boleh





menyebabkan penurunan motivasi dan konsep diri yang seterusnya turut menjejaskan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar.

Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menentukan sama ada stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep diri mempengaruhi pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi. Pada masa yang sama, kajian ini juga bermatlamat untuk mendapat input yang penting serta pemahaman yang mendalam tentang hubungan stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep diri ke atas pencapaian akademik seseorang pelajar. Selain daripada itu, sumbangan atau pengaruh stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep diri ke atas pencapaian akademik juga turut diperhatikan. Sekiranya wujud hubungan yang signifikan dan terdapat pengaruh stres berdasarkan CTRT terhadap pencapaian akademik, maka usaha untuk mengurangkan permasalahan stres dalam kalangan pelajar perlu ditangani dengan bijak.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian berkaitan stres berdasarkan CTRT dalam kalangan pelajar kolej Matrikulasi di Malaysia secara mendalam masih kurang dilaksanakan. Kebanyakan kajian berkaitan stres dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah dan universiti. Oleh kerana masih kurang kajian berkaitan stres berdasarkan CTRT terutama yang melibatkan pelajar Kolej Matrikulasi, maka pengkaji mengambil inisiatif untuk melaksanakannya bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai stres berdasarkan CTRT dalam kalangan





pelajar di Kolej Matrikulasi. Seterusnya pihak-pihak yang berkaitan dapat mengambil langkah sewajarnya bagi meningkatkan kesejahteraan pelajar dari aspek psikologi untuk melahirkan pelajar yang berkualiti, berketerampilan, mempunyai motivasi dan konsep sendiri yang tinggi serta cemerlang dalam pencapaian akademik.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti hubungan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi. Objektif kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu objektif



1.5.1 Objektif Umum

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti faktor stres berdasarkan CTRT, jenis motivasi dan konsep sendiri yang paling dominan dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi. Kajian juga dijalankan untuk mengukur tahap stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi. Selain itu, kajian ini turut menentukan sama ada terdapat perbezaan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik berdasarkan jantina dan jurusan dalam kalangan pelajar yang dikaji. Kajian juga turut mengenal pasti





sama ada terdapat hubungan antara faktor stres berdasarkan CTRT, jenis motivasi, jenis konsep sendiri dengan pencapaian akademik. Selain itu, kajian turut menganalisis hubungan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep sendiri terhadap pencapaian akademik. Akhirnya, kajian ini turut mengenal pasti pengaruh antara stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep sendiri terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

1.5.2 Objektif Khusus

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif khusus seperti berikut :



05-4506832

1. Mengenal pasti faktor stres berdasarkan CTRT, jenis motivasi dan konsep sendiri yang paling dominan dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.
2. Mengukur tahap stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.
3. Mengukur perbezaan min stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi berdasarkan jantina.
4. Mengukur perbezaan min stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi berdasarkan jurusan.





5. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.
6. Menganalisis hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.
7. Menganalisis hubungan yang signifikan antara konsep sendiri fizikal, konsep sendiri etika dan moral, konsep sendiri peribadi, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri sosial dan konsep sendiri sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.
8. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi intrinsik.
9. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi ekstrinsik.
10. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri fizikal.
11. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri etika dan moral.





12. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri peribadi.
13. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri keluarga.
14. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sosial.
15. Menganalisis hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.
16. Menganalisis hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri fizikal, konsep sendiri etika dan moral, konsep sendiri peribadi, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri sosial dan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.
17. Menganalisis hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan pencapaian akademik.
18. Menganalisis hubungan antara motivasi dengan pencapaian akademik.
19. Menganalisis hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik.
20. Menganalisis hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan motivasi.
21. Menganalisis hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan konsep sendiri.
22. Menganalisis hubungan antara motivasi dengan konsep sendiri.





23. Mengenal pasti sumbangan faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik terhadap pencapaian akademik.
24. Mengenal pasti sumbangan stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep diri terhadap pencapaian akademik.

1.6 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan dan objektif kajian, maka kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian berikut:



1. Apakah faktor stres berdasarkan CTRT, jenis motivasi dan konsep diri yang paling dominan dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
2. Apakah tahap stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep diri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
3. Adakah terdapat perbezaan min stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep diri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat perbezaan min stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep diri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi berdasarkan jurusan?





5. Adakah terdapat hubungan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
6. Adakah terdapat hubungan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
7. Adakah terdapat hubungan antara konsep diri fizikal, konsep diri etika dan moral, konsep diri peribadi, konsep diri keluarga, konsep diri sosial dan konsep diri sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
8. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi intrinsik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
9. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi ekstrinsik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
10. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep diri fizikal dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
11. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep diri etika dan moral dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?





12. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri peribadi dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
13. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri keluarga dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
14. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sosial dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
15. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
16. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri fizikal, konsep sendiri etika dan moral, konsep sendiri peribadi, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri sosial dan konsep sendiri sifat-sifat akhlak dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
17. Adakah terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
18. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?





19. Adakah terdapat hubungan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
20. Adakah terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan motivasi dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
21. Adakah terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan konsep sendiri dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
22. Adakah terdapat hubungan antara motivasi dengan konsep sendiri dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi?
23. Mengenal pasti sumbangan faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik terhadap pencapaian akademik.
24. Mengenal pasti sumbangan stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep sendiri terhadap pencapaian akademik.





1.7 Hipotesis Kajian

Secara keseluruhannya terdapat 20 hipotesis nol bagi tujuan memenuhi objektif dan mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian yang dibentuk dalam penyelidikan ini. Oleh itu, berpanduan kepada kajian-kajian tersebut pengkaji telah membentuk hipotesis seperti yang berikut :

Ho1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik.

Ho1a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan pencapaian akademik.

Ho1b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara rasa kepunyaan dengan pencapaian akademik.

Ho1c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan pencapaian akademik.

Ho1d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan pencapaian akademik.

Ho1e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan pencapaian akademik.



Ho2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik.

Ho 2a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi intrinsik dengan pencapaian akademik.

Ho 2b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi ekstrinsik dengan pencapaian akademik.

Ho3 Tidak terdapat hubungan antara konsep diri fizikal, konsep diri etika dan moral, konsep diri peribadi, konsep diri keluarga, konsep diri sosial dan konsep diri sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik.

Ho3a Tidak terdapat hubungan antara konsep diri fizikal dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

Ho3b Tidak terdapat hubungan antara konsep diri etika dan moral dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

Ho3c Tidak terdapat hubungan antara konsep diri peribadi dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

Ho3d Tidak terdapat hubungan antara konsep diri keluarga dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

Ho3e Tidak terdapat hubungan antara konsep diri sosial dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.

Ho3f Tidak terdapat hubungan antara konsep diri sifat-sifat akhlak dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.



Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi intrinsik.

Ho4a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan motivasi intrinsik.

Ho4b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan motivasi intrinsik.

Ho4c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan motivasi intrinsik.

Ho4d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan motivasi intrinsik.



Ho4e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan motivasi intrinsik.

Ho5 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan motivasi ekstrinsik.

Ho5a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan motivasi ekstrinsik.

Ho5b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan motivasi ekstrinsik.

Ho5c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan motivasi ekstrinsik.





Ho5d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan motivasi ekstrinsik.

Ho5e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan motivasi ekstrinsik.

Ho6 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri fizikal.

Ho6a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri fizikal.

Ho6b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri fizikal.



Ho6c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri fizikal.

Ho6d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri fizikal.

Ho6e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri fizikal.

Ho7 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri etika dan moral.





Ho7a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri etika dan moral.

Ho7b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri etika dan moral.

Ho7c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri etika dan moral.

Ho7d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri etika dan moral.

Ho7e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri etika dan moral.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Ho8 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri peribadi.

Ho8a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri peribadi.

Ho8b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri peribadi.

Ho8c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri peribadi.

Ho8d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri peribadi.





Ho8e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri peribadi.

Ho9 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri keluarga.

Ho9a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri keluarga.

Ho9b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri keluarga.

Ho9c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri keluarga.

Ho9d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri keluarga.

Ho9e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri keluarga.

Ho10 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sosial.

Ho10a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri sosial.





Ho10b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri sosial.

Ho10c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri sosial.

Ho10d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri sosial.

Ho10e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri sosial.

Ho11 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho11a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kelangsungan hidup dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho11b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepunyaan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho11c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara berkuasa dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho11d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebebasan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho11e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara keseronokan dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.





Ho12 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan dengan konsep sendiri fizikal, konsep sendiri etika dan moral, konsep sendiri peribadi, konsep sendiri keluarga, konsep sendiri sosial dan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho12a Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri fizikal.

Ho12b Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri etika dan moral.

Ho12c Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri peribadi.

Ho12d Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri keluarga.



05

Ho12e Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri sosial.

Ho12f Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep sendiri sifat-sifat akhlak.

Ho13 Tidak terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan pencapaian akademik.

Ho14 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik.

Ho15 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pencapaian akademik.





Ho16 Tidak terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan motivasi

Ho17 Tidak terdapat hubungan antara stres berdasarkan CTRT dengan konsep diri.

Ho18 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dengan konsep diri.

Ho19 Tidak terdapat sumbangan faktor stres berdasarkan CTRT iaitu kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan dengan pencapaian akademik.

Ho19a Tidak terdapat sumbangan kelangsungan hidup terhadap pencapaian akademik.

Ho19b Tidak terdapat sumbangan rasa kepunyaan terhadap pencapaian akademik.

Ho19c Tidak terdapat sumbangan berkuasa terhadap pencapaian akademik.

Ho19d Tidak terdapat sumbangan kebebasan terhadap pencapaian akademik.



05-4506832 Ho19e Tidak terdapat sumbangan keseronokan terhadap pencapaian akademik.



Ho20 Tidak terdapat sumbangan pemboleh ubah stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep diri terhadap pencapaian akademik.


Ho20a Tidak terdapat sumbangan bagi pemboleh ubah stres berdasarkan CTRT terhadap pencapaian akademik.

Ho20b Tidak terdapat sumbangan bagi pemboleh ubah motivasi terhadap pencapaian akademik.

Ho20c Tidak terdapat sumbangan bagi pemboleh ubah konsep diri terhadap pencapaian akademik.



1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



Menurut Miles dan Huberman (1994), kerangka konsep dibuat dengan tujuan untuk menggambarkan tentang idea keseluruhan kajian yang dijalankan dengan mengelaskan secara grafik atau dalam bentuk cerita. Kerangka konsep adalah kunci kepada hubungan dan perkaitan antara pemboleh ubah dalam kajian yang dijalankan.

Pengkaji menggunakan CTRT untuk mengkaji stres pelajar. Penggunaan CTRT dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mengukur stres dalam kalangan pelajar pra universiti khususnya pelajar Kolej Matrikulasi. Lima subkonstruk digunakan sebagai elemen untuk mengukur punca atau faktor stres dalam kalangan pelajar iaitu keperluan untuk kelangsungan hidup, rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan.



Berdasarkan CTRT, individu akan dibelenggu stres apabila keperluan yang diingini tidak dapat dipenuhi. Keperluan dari aspek fisiologi iaitu kelangsungan hidup dan keperluan psikologi merangkumi kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan akan memenuhi keinginan individu. Keinginan dan keperluan yang tidak dapat dipenuhi akan menimbulkan konflik yang boleh mempengaruhi tingkah laku, pemikiran, perasaan dan fisiologi individu serta menjejaskan kesihatan diri individu. Tingkah laku ini akan menentukan sama ada individu mempunyai identiti berjaya atau identiti gagal.

Merujuk kepada rajah 1.1, kerangka konseptual kajian menunjukkan hubungan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi. Dalam kajian ini, stres berdasarkan CTRT adalah pemboleh ubah bebas atau pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala pemboleh





ubah motivasi dan konsep sendiri merupakan pemboleh ubah penengah yang boleh mempengaruhi pencapaian akademik. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah pencapaian akademik. Manakala faktor demografi yang terlibat dalam kajian ini adalah jantina dan jurusan untuk mengenal pasti perbezaan antara pemboleh ubah dalam menjawab soalan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji apakah faktor paling tinggi yang menyumbang kepada stres berdasarkan CTRT dalam kalangan pelajar. Kesemua keperluan dalam CTRT merupakan faktor yang boleh menyumbang kepada stres dalam kalangan pelajar. Pengkaji turut mengkaji tahap stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar. Selain itu, perbezaan pemboleh ubah berdasarkan jantina dan jurusan turut dikaji. Pengkaji juga turut mengenal pasti dan menganalisis hubungan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik. Kajian juga untuk melihat adakah kesemua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu pencapaian akademik. Kajian turut mengenal pasti sumbangan atau pengaruh stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep sendiri terhadap pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Matrikulasi.



1.9 Kepentingan Kajian

Pelbagai kajian berkaitan stres berdasarkan CTRT, motivasi dan konsep sendiri dan pencapaian akademik telah dijalankan di dalam negara dan tidak kurang juga kajian yang dijalankan di luar negara. Justeru, adalah diharapkan dapatan kajian ini memberi manfaat dan dapat dijadikan panduan dalam bidang pendidikan terutamanya dalam bidang psikologi dan kaunseling.

1.9.1 Kepentingan Kajian Kepada Bimbingan dan Kaunseling

Kajian ini membantu kaunselor dalam menjalankan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar yang terlibat dalam permasalahan melibatkan stres berdasarkan CTRT. Kaunselor boleh mengenal pasti pelajar yang mengalami stres melalui instrumen stres berdasarkan CTRT yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Keperluan-keperluan yang dinyatakan dalam CTRT merupakan keperluan yang diperlukan dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar.

Instumen kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber bagi mengenal pasti faktor stres dan membantu pelajar terlibat untuk menangani stres dengan lebih baik agar pelajar tidak berterusan mengalami stres pada tahap yang tinggi yang akhirnya boleh membawa kepada *distress*. Faktor stres yang dominan dalam kajian ini boleh dijadikan panduan kepada kaunselor untuk mempelbagaikan kaedah yang bersesuaian dalam membantu



pelajar menangani stres. Kaunselor boleh membantu pelajar yang mengalami stres dengan menggunakan pendekatan dalam CTRT. Pelbagai intervensi boleh dilaksanakan bagi mengurangkan tahap stres mereka terutama pelajar-pelajar yang cenderung mengalami stres yang tinggi.

Selain itu, soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji iaitu Instrumen Stres Berdasarkan CTRT (IS-CTRT) yang telah diuji kesahan dan kebolehpercayaan boleh digunakan dalam pengkajian. Oleh itu, soal selidik ini boleh dijadikan panduan atau digunakan untuk mengukur stres dalam kalangan remaja terutama pelajar pra universiti yang melibatkan pelajar di Kolej Matrikulasi, Asasi, Tingkatan 6, IPG dan pelajar tahun pertama yang menuntut di kolej atau universiti.



Instrumen stres berdasarkan CTRT yang dibina ini boleh digunakan oleh kaunselor di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru dan guru bimbingan dan kaunseling di sekolah bagi menangani isu yang melibatkan stres berdasarkan CTRT dalam kalangan pelajar akibat daripada keperluan yang tidak dipenuhi, pelbagai tugas dan cabaran masa kini. Pembinaan instrumen ini boleh dijadikan nilai tambah kepada amalan yang telah sedia ada untuk membantu kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling dan melaksanakan pelbagai program terutama program berkaitan permasalahan stres dan psikologi.





1.9.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini amat penting dalam usaha mengenal pasti faktor stres yang dominan dan adakah wujud hubungan antara stres berdasarkan CTRT, motivasi, konsep sendiri dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di kolej Matrikulasi. Kajian ini juga telah menyatakan sumbangan dan pengaruh stres berdasarkan CTRT terhadap pencapaian akademik yang boleh dijadikan kayu ukur untuk menjalankan intervensi berkaitan stres yang dialami oleh pelajar. Dapatkan kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan untuk mengenal pasti faktor permasalahan stres berdasarkan CTRT dalam kalangan pelajar bagi meningkatkan kesejahteraan pelajar dari aspek fizikal dan psikologi. Pihak Bahagian Matrikulasi, KPM boleh menjadikan dapatan kajian sebagai panduan dalam menambah baik dasar dan kurikulum Program Matrikulasi selaras dengan kehendak dan keperluan pelajar mengikut peredaran semasa bagi memastikan keperluan pelajar dipenuhi agar pelajar dapat meneruskan pembelajaran dalam suasana yang lebih kondusif. Justeru, pelajar akan lebih bermotivasi untuk terus belajar dan mencapai kecermerlangan dalam akademik.

1.9.3 Kepentingan Kepada Perkembangan Ilmu

Pelajar di Kolej Matrikulasi merupakan salah satu aset penting dalam pembangunan negara. Kepentingan kajian boleh dilihat melalui sumbangan terhadap peningkatan





pengetahuan dengan memberi penekanan kepada dapatan kajian yang diperolehi kepada individu atau institusi yang terlibat untuk pengkajian seterusnya (Sidek, 2002).

Dapatan ini turut menyumbang kepada perkembangan ilmu berkaitan pembinaan dan penilaian instrumen yang menggabungkan elemen psikologi dan kaunseling. Pendekatan dalam pembinaan instrumen ini boleh dijadikan satu sandaran dan panduan kepada pengkaji lain dalam proses pembinaan instrumen seterusnya mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan.

Dapatan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi menunjukkan bahawa soal selidik ini dapat diterima dan digunakan dalam sesuatu kajian. Dapatan ini menunjukkan bahawa IS-CTRT boleh dijadikan sebagai alat ukur dalam mengenal pasti punca stres serta dapat membantu pengamal kaunseling untuk mengaplikasikannya dalam amalan kaunseling. Kajian ini dapat menambahkan lagi sumbergunaan dalam amalan teori kaunseling yang sedia ada, seterusnya dapat meningkatkan kompetensi dan profesionalisme kaunselor terutama dalam aspek penyelidikan, penilaian dan pengukuran.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini bertumpu kepada pelajar Kolej Matrikulasi di bawah Program Satu Tahun melibatkan pelajar jurusan Sains Modul I, Sains Modul II, Sains Modul III dan jurusan Perakaunan melibatkan lima buah Kolej Matrikulasi melibatkan empat zon di





Semenanjung Malaysia dan Labuan mewakili Malaysia Timur. Pelajar-pelajar dari Kolej Matrikulasi Pahang mewakili Zon Timur dan Kolej Matrikulasi Perak mewakili Zon Tengah. Zon Utara pula diwakili oleh pelajar Kolej Matrikulasi Kedah dan Kolej Matrikulasi Melaka mewakili Zon Selatan. Manakala Kolej Matrikulasi Labuan telah dipilih mewakili Kolej Matrikulasi di Malaysia Timur. Justeru, kajian ini sesuai untuk menjelaskan situasi dan melambangkan stres kesemua pelajar di 15 buah kolej Matrikulasi seluruh Malaysia.

1.11 Definisi Konsep dan Operasional



1.11.1.1 Stres Berdasarkan CTRT

Menurut Glasser (1965), stres berdasarkan CTRT adalah stres yang wujud berpunca daripada keinginan atau keperluan yang tidak dapat dipenuhi melibatkan aspek fisiologi dan psikologi. Aspek fisiologi adalah keinginan untuk kelangsungan hidup manakala dari aspek psikologi pula melibatkan keinginan untuk mendapatkan rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan.

Stres berpunca daripada masalah yang wujud dan menyebabkan kecelaruan psikologi (Yaacob et al., 2013) atau stres disebabkan faktor persekitaran (Yusof dan





Azman 2013). Menurut Baqutayan (2012), stres boleh mengakibatkan pemikiran negatif melalui reaksi dan tindakan terhadap perasaan seseorang individu. Othman dan Sipon (2012) pula mendefinisikan stres sebagai proses tindak balas secara fizikal, mental dan emosi kepada sesuatu keadaan yang mengganggu ketenangan atau kestabilan seseorang. Menurut Pulido-Martos, Augusto-Landa dan Lopez-Zafra (2011), stres dikaitkan dengan perubahan sikap, kognitif dan emosi akibat interaksi yang dinamik antara individu dan persekitaran.

Stres juga merupakan gejala keseimbangan diri untuk beradaptasi terhadap perubahan baik dari luar mahupun dari dalam diri sendiri. Sekiranya individu dalam keadaan stres, seluruh kehidupan dan kesihatan mengalami gangguan sehingga berlaku penurunan dalam produktiviti kerjaya (Mohammad Aziz Shah, Nazariah, dan Pau, 2011). Seseorang yang mengalami stres pada tahap tinggi turut mengalami pengheretan kognitif yang boleh menyebabkan penurunan kefungsi kognitif. Kesannya, keadaan ini boleh mengganggu prestasi (Fatimah wati dan Ariffin, 2010).

Menurut Ma'rof dan Haslinda (2004), stres boleh wujud dalam pelbagai lapangan kehidupan dan mempunyai kaitan dengan pengalaman suka duka seseorang. Stres yang dialami oleh individu juga boleh mendorong ke arah stres yang negatif (*distress*). Stres bukan saja menjejaskan prestasi profesional tetapi turut menjejaskan kehidupan dan kesihatan, simptom yang dialami adalah berbeza-beza antara individu seperti tidur yang terganggu, rasa penat; mudah lupa dan tidak menepati waktu; tidak dapat mengawal keadaan; mudah jatuh sakit dan kemerosotan dalam perhubungan peribadi. Reaksi





fisiologi terhadap stres akan diikuti oleh reaksi psikologi pada masa yang sama. Perubahan psikologi pada dasarnya melibatkan emosi, kognitif dan motivasi (Ma'rof dan Haslinda, 2004).

Stres juga ditakrifkan sebagai ketegangan emosi (Jolen, 2001). Stres disebabkan oleh faktor dalaman, peristiwa luaran atau interaksi yang berlaku antara individu dengan persekitaran. Remaja pada masa kini lebih kerap mengalami stres. Ini boleh dilihat dengan berlakunya pertambahan dari aspek bantuan dan keperluan kepada remaja dalam menangani stres. Bilangan remaja yang mengalami stres psikologikal seperti kebimbangan, kemurungan dan kecelaruan semakin meningkat pada tahap akhir remaja (McNamara, 2000).



1.11.1.2 Motivasi

Menurut Emily (2011), motivasi pembelajaran adalah gabungan kepercayaan, persepsi, nilai, minat dan tindakan yang mempunyai kaitan antara satu sama lain. Emily berpendapat bahawa motivasi pembelajaran intrinsik terhasil oleh keseronokan, peribadi, minat, kepuasan dan kesenangan. Hasilnya, pelbagai pendekatan untuk meningkatkan motivasi dengan memberi tumpuan kepada tingkah laku kognitif iaitu pemantauan dan penggunaan strategi dan aspek-aspek bukan kognitif seperti persepsi, kepercayaan dan sikap.





Slavin (2006), menjelaskan bahawa motivasi merupakan dorongan yang timbul dalam diri seseorang individu untuk memenuhi kehendak dan tujuan. Motivasi juga merupakan dorongan kepada tingkah laku bagi memenuhi keperluan dan keinginan. Motivasi sangat diperlukan dalam proses belajar. Individu yang tidak mempunyai motivasi dalam belajar tidak mungkin dapat melaksanakan aktiviti belajar. Motivasi diperlukan dalam menentukan keupayaan usaha belajar bagi seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai motivasi dapat memilih mana perbuatan yang harus dilakukan dan perbuatan yang harus dihindari. Dalam proses pembelajaran, motivasi merupakan daya penggerak yang membantu seseorang pelajar belajar dengan bersungguh-sungguh sehingga tujuan yang diinginkan dapat dipenuhi. Dengan demikian motivasi mempengaruhi individu untuk berjaya mencapai sesuatu tujuan yang diinginkannya.



05- Sekiranya individu tidak mempunyai motivasi untuk belajar, maka pencapaian akademik akan turut terjejas.

1.11.1.3 Konsep Kendiri

Konsep kendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita. Menurut Azizi dan Fawziah (2003), konsep kendiri adalah penilaian tentang diri sendiri atau gambaran imej





kendiri termasuk rupa paras, kesihatan fizikal, kemampuan atau kelemahan diri dan tingkah laku.

Cokley (2000) mentakrifkan konsep kendiri sebagai sesuatu yang ditetapkan sebagai ganti diri orang yang pertama iaitu, aku, saya, diriku atau saya, dan diri saya. Begitu juga dengan apa yang dilabelkan oleh orang lain terhadap individu sehingga menghasilkan emosi kendiri yang kuat daripada apa yang dilabel yang bukan dirinya tetapi akhirnya menghasilkan perasaan yang subjektif dan boleh dikesan oleh seseorang individu. Perasaan yang terhasil ini mampu mengawal tingkah laku dalam kehidupan atau kognitif mereka sehingga dalam minda individu tersebut mengatakan yang dirinya adalah berbeza dengan orang lain. Konsep cermin diri yang diperkenalkannya merujuk kepada bagaimana individu memahami dirinya dengan cara orang lain memandang dirinya.

Pakar-pakar psikologi berpendapat bahawa orang yang berjaya adalah mereka yang mempunyai konsep kendiri yang positif. Konsep kendiri yang positif menghasilkan keyakinan diri yang tinggi, mempengaruhi cara seseorang berfikir, menjadi asas bagaimana seseorang melabel kekuatan atau kelemahan dirinya, mempengaruhi kesihatan dirinya dan menjadi asas bagaimana seseorang membuat ramalan akan masa depannya. Manakala konsep kendiri negatif pula memperlihatkan ciri tingkah laku seperti suka meminta pertolongan, selalu memberi komen yang menyinggung perasaan orang lain, selalu tidak berpuas hati dengan apa yang dihadapi dan boleh meninggalkan kesan buruk





pada individu. Konsep sendiri negatif ini terbentuk daripada pengalaman atau keyakinan diri yang tidak baik pada masa lampau.

Roger (1981), menyatakan konsep sendiri adalah gambaran dan penilaian individu berkaitan diri sendiri. Penilaian yang dibuat dapat membentuk personaliti individu terutama dari aspek pengamatan terhadap sikap dan kebolehan, hubungan individu dengan orang lain dan persekitaran serta nilai-nilai positif atau negatif. Individu yang mempunyai konsep sendiri yang positif mempunyai harga diri, menerima diri, berpandangan positif dan bijak membuat keputusan. Manakala individu yang mempunyai konsep sendiri yang negatif adalah individu yang tidak gembira, merasakan diri tidak berguna, mudah kecewa dan sukar membuat keputusan (Coopersmith, 1980).

1.11.1.4 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik merupakan tahap kecekapan seseorang dalam bidang akademik atau pendidikan formal. Pencapaian cemerlang dapat dilihat daripada keputusan peperiksaan. Gred yang diperolehi dalam peperiksaan akan menentukan kejayaan seseorang pelajar.





Kerlinger (1973), menyatakan bahawa pencapaian akademik adalah skor yang diperolehi dalam satu ujian piawai. Pencapaian akademik adalah hasil yang diperolehi seperti markah atau keputusan peperiksaan yang diperolehi pelajar di dalam sesuatu proses penilaian sama ada secara teori, amali atau latihan industri. Azman Idris (1994), pula menyatakan bahawa pencapaian akademik adalah hasil atau keputusan yang diperolehi oleh seseorang individu dalam proses pembelajaran.

1.11.1.5 Pelajar Matrikulasi



Pelajar Kolej Matrikulasi dikategorikan sebagai remaja. Remaja adalah satu peringkat perkembangan individu yang berlaku antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Walaupun terdapat pelbagai definisi remaja, remaja umumnya dilihat sebagai peringkat di mana orang muda mengalami pertumbuhan pesat badan dan mentaliti mereka kepada kematangan penuh pada 12 hingga 25 tahun (Liu, 2001). Dalam sistem pendidikan, remaja menerima pendidikan di sekolah-sekolah menengah, kolej atau universiti.



1.11.2 Definisi Operasional

1.11.2.1 Stres Berdasarkan CTRT

Stres yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah merujuk kepada stres yang dialami oleh pelajar di Kolej Matrikulasi berpunca daripada keperluan fisiologi dan psikologi yang tidak dapat dipenuhi. Stres yang dialami oleh pelajar akibat daripada masalah pembelajaran dan cabaran hidup yang terpaksa dihadapi dalam persekitaran baharu di kolej Matrikulasi. Dalam kajian ini, stres merujuk kepada stres berdasarkan CTRT yang dialami oleh pelajar Kolej Matrikulasi yang berfokus kepada subkonstruk melibatkan aspek psikologi iaitu rasa kepunyaan, berkuasa, kebebasan dan keseronokan manakala aspek fisiologi iaitu kelangsungan hidup. Kelima-lima subkonstruk ini digunakan sebagai faktor untuk mengukur stres dalam kalangan pelajar.

1.11.2.2 Motivasi

Dalam kajian ini, motivasi yang diukur melibatkan motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Motivasi intrinsik iaitu motivasi yang wujud dalam individu dan tanpa sebarang paksaan. Motivasi intrinsik merujuk kepada kepuasan dan keseronokan dalam menjalankan sesuatu aktiviti tanpa mengharapkan ganjaran luaran. Manakala motivasi ekstrinsik wujud daripada rangsangan luaran yang menggerakkan individu dalam



melakukan sesuatu aktiviti dengan mengharapkan ganjaran luaran seperti pujian, insentif, hadiah dan gred pencapaian.

1.11.1.3 Konsep Kendiri

Konsep kendiri dalam kajian ini melibatkan enam dimensi iaitu konsep kendiri fizikal, konsep kendiri etika dan moral, konsep kendiri peribadi, konsep kendiri keluarga, konsep kendiri sosial dan konsep kendiri sifat-sifat akhlak. Konsep kendiri fizikal bermaksud kebolehan individu untuk melihat keadaan fizikalnya. Konsep kendiri sosial pula adalah kebolehan bersosial pada tahap tinggi yang menggambarkan konsep kendiri sosial yang positif. Manakala konsep kendiri emosi pula adalah individu yang mempunyai emosi yang stabil dan positif. Konsep kendiri peribadi pula mencerminkan nilai diri iaitu perasaan dan penilaian individu terhadap personaliti diri. Manakala konsep kendiri keluarga pula meliputi perasaan, pandangan individu terhadap fungsi diri dan kepentingan kepada keluarga, penerimaan keluarga dan mempunyai kesedaran bahawa diri adalah bermakna kepada keluarga. Konsep kendiri sifat-sifat akhlak meliputi pandangan individu terhadap dirinya yang boleh mencerminkan akhlak bagi dirinya.





1.11.1.4 Pencapaian Akademik

Dalam kajian ini, pencapaian akademik merupakan ukuran tahap pencapaian individu dalam bidang akademik atau pendidikan formal. Pencapaian akademik yang cemerlang seseorang individu itu dapat dilihat daripada keputusan peperiksaan yang diperolehi. Gred yang diperolehi dalam peperiksaan telah menunjukkan tahap pencapaian seseorang individu. Pencapaian akademik dalam kajian ini merujuk kepada keputusan akhir semua mata pelajaran teras. PNGK dikira berdasarkan gred yang diperolehi daripada semua mata pelajaran teras. Gred yang diperolehi diberikan mata nilai. Pencapaian akademik dinilai dari Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) seperti dalam jadual 1.1.

Jadual 1.1



Gred	Mata Nilai
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
F	0



Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) juga diklasifikasi simbol tanpa nilai gred seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.2.

Jadual 1.2

Klasifikasi Simbol Tanpa Nilai Gred

Gred	Klasifikasi Gred
A	Cemerlang
B	Kepujian
C	Baik
D	Memuaskan
F	Gagal

Sumber : Bahagian Matrikulasi KPM 2017

1.11.1.5 Pelajar Matrikulasi

Pelajar Kolej Matrikulasi dalam kajian ini merujuk kepada pelajar yang belajar di Kolej Matrikulasi. Pelajar Kolej Matrikulasi dalam kajian ini melibatkan pelajar yang mengikuti Program Satu Tahun atau pengajian selama dua semester dalam jurusan Sains melibatkan Jurusan Sains Modul1, Jurusan Sains Modul II, Jurusan Sains Modul III dan Jurusan Perakaunan. Pelajar Kolej Matrikulasi juga merupakan pelajar yang setaraf dan menghadapi zaman peralihan yang sama dengan pelajar tahun pertama di kolej dan universiti, IPG dan tingkatan 6. Pelajar dalam kajian ini adalah dalam jurusan yang berlainan mengikut pencapaian akademik dalam SPM.



1.12 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan tentang latar belakang permasalahan kajian. Pengkaji juga telah mengemukakan tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian dan definisi operasional yang digunakan sebagai asas dan panduan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan untuk mendapatkan gambaran awal tentang hubungan stres berdasarkan CTRT terhadap pemboleh ubah seperti motivasi, konsep sendiri dan pencapaian akademik.

